



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 8 TAHUN 2009**

**HAD KADAR TAMBANG BARU PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN AWAM SEMENANJUNG MALAYSIA**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 20 JULAI 2009

Semua Pengusaha Pengangkutan Awam Semenanjung Malaysia.

Semua Persatuan Pengangkutan Awam Semenanjung Malaysia.

HAD KADAR TAMBANG BARU PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan had kadar tambang baru perkhidmatan pengangkutan awam di Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Had kadar tambang baru pengangkutan awam telah dimuktamadkan oleh Kerajaan dan pengumumannya telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 16 Julai 2009.

3. Penentuan kadar tambang telah mengambil kira inisiatif dan subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk membantu sektor pengangkutan awam seperti subsidi harga bahan bakar, pengurangan bayaran tol, pengecualian cukai jualan, eksais dan cukai jalan serta menyediakan kemudahan pinjaman dan geran pada kadar yang rendah. Pada masa yang sama, pertimbangan juga dibuat untuk mengimbangi kepentingan pengusaha dengan kepentingan pengguna agar kenaikan kadar tambang tidak

membebankan mereka kerana sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah.

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM

4. Seiring dengan kenaikan had kadar tambang, Kerajaan telah menggariskan langkah-langkah penambahbaikan industri pengangkutan awam bagi memastikan pengusaha pengangkutan awam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pengguna. Langkah penambahbaikan yang digariskan ialah:

- (a) mematuhi Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (SHE) termasuk pengurusan *fleet* yang cekap dan berkesan;
- (b) mempertingkatkan program latihan bagi membangunkan nilai-nilai etika perkhidmatan dan kemahiran pemanduan melalui penubuhan Institut Latihan Pengangkutan Awam Malaysia (ILPAM);
- (c) mempamerkan jadual tambang dalam setiap kenderaan pengangkutan awam termasuk bas sekolah, teksi dan kereta sewa;
- (d) penggunaan *Global Positioning System (GPS)*, dan penjualan tiket secara atas talian (*e-ticketing*) bagi bas ekspres;

- (e) kerjasama antara syarikat dan pengusaha pengangkutan awam menyenarai hitamkan pemandu yang terlibat dengan kemalangan maut dan dipecat oleh syarikat kerana melakukan kesalahan melanggar undang-undang;
- (f) mewujudkan Bank Data Pemandu bagi memberi kemudahan kepada pengusaha pengangkutan awam untuk membuat semakan rekod pemandu;
- (g) penggunaan kenderaan berhawa dingin bagi lesen baru dan ganti kenderaan;
- (h) layanan mesra kepada orang kurang upaya (OKU) dan warga emas;
- (i) mengkaji penetapan gaji minima bagi pemandu; dan
- (j) mengkaji pemasangan pengikat kelajuan bas pada had tertentu.

5. Selain itu, penambahbaikan kualiti bagi setiap kategori pengangkutan awam adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Penambahbaikan
1	Bas Ekspres	<ul style="list-style-type: none"> i. Potongan harga sebanyak 25% diberikan kepada OKU dan warga tua yang berumur 60 tahun ke atas; ii. Mematuhi peraturan jalan raya dan piawaian keselamatan (had laju, GPS, R66, SHE); iii. Mematuhi syarat pemandu kedua bagi perjalanan melebihi 300 km atau 4 jam; iv. Mematuhi jadual perjalanan yang ditetapkan; dan v. Kategori bas ekspres tanpa hawa dingin dihapuskan.
2	Bas berhenti-henti	<ul style="list-style-type: none"> i. Sasaran supaya bas berhenti-henti di kawasan-kawasan terpilih berhawa dingin sepenuhnya pada tahun 2010 (lesen baru dan ganti kenderaan diwajibkan berhawa dingin).
3	Bas Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan pakaian seragam pemandu.
4	Bas Mini	<ul style="list-style-type: none"> i. Memperluaskan perkhidmatan bas mini di kawasan desa yang diperlukan.
5	Teksi dan Kereta Sewa	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempamerkan jadual tambang di dalam kenderaan; ii. Cetakan resit bagi setiap sewaan teksi.

HAD KADAR TAMBANG BARU

6. Had kadar tambang baru merupakan had kadar maksimum (siling) dan pengusaha pengangkutan awam dibenar untuk mengenakan tambang lebih rendah daripada kadar tambang yang ditetapkan. Bagi tujuan kemudahan dalam operasi perkhidmatan bas, teksi dan kereta sewa, kadar tambang akan dikenakan kepada nilai 10 sen (RM0.10) terdekat.

7. Had kadar tambang baru bagi setiap kategori perkhidmatan pengangkutan awam adalah seperti berikut:

7.1 Bas ekspres (berhawa dingin):

(a) Kadar tambang:

8.5 sen (RM0.085) bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya;

(b) Lain-lain caj:

Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
Kanak- kanak di bawah umur 7 tahun	Percuma
Kanak- kanak berumur 7 tahun atau lebih tetapi di bawah 12 tahun	75% harga daripada kadar yang ditetapkan
Orang kurang upaya (OKU) dan warga tua 60 tahun ke atas	75% harga daripada kadar yang ditetapkan

7.2 Bas berhenti-henti:

(a) Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya

(i) Kadar tambang:

Zon	Tanpa hawa dingin	Berhawa dingin
1	RM1.00	RM1.10
2	RM1.70	RM1.90
3	RM2.20	RM2.50
4	RM2.70	RM3.10

(ii) Lain-lain caj:

Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
Kanak-kanak di bawah umur 7 tahun	Percuma
Kanak-kanak berumur 7 tahun atau lebih tetapi di bawah 12 tahun	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan
Murid berpakaian seragam sekolah rendah atau menengah	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan
Orang kurang upaya (OKU) dan warga tua 60 tahun ke atas	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan
Penumpang yang membeli pas bulanan atau pas mingguan bagi perjalanan yang melalui sekurang-kurangnya 3 Zon masing-masing untuk tempoh satu bulan atau satu minggu	Tidak kurang 20% daripada kadar yang ditetapkan

(b) Selain Kuala Lumpur:

(i) Kadar tambang:

i. Tanpa hawa dingin:

62 sen (RM0.62) bagi 2 kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

9.4 sen (RM0.094) bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.

ii. Berhawa dingin:

94 sen (RM0.94) bagi 2 kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

9.4 sen (RM0.094) bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.

(ii) Lain-lain caj:

Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
Kanak- kanak di bawah umur 7 tahun	Percuma
Kanak- kanak berumur 7 tahun atau lebih tetapi di bawah 12 tahun	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan
Murid berpakaian seragam sekolah rendah atau menengah	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan
Orang kurang upaya (OKU) dan warga tua 60 tahun ke atas	1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan

Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
Penumpang yang membeli pas bulanan atau pas mingguan bagi perjalanan yang melalui sekurang-kurangnya 3 Zon masing-masing untuk tempoh satu bulan atau satu minggu	Tidak kurang 20% daripada kadar yang ditetapkan

7.3 Bas sekolah:

(a) Bandar

- (i) Kadar bulanan bagi perjalanan pergi dan balik:

RM27.43 bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

RM2.02 bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.

- (ii) Kadar harian bagi perjalanan sehala:

62 sen (RM0.62) bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

5 sen (RM0.05) bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.

- (b) Luar bandar
- (i) Kadar bulanan bagi perjalanan pergi dan balik:
RM20.61 bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;
RM2.02 bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.
- (ii) Kadar harian bagi perjalanan sehala:
47 sen (RM0.47) bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;
5 sen (RM0.05) bagi setiap kilometer tambahan atau sebahagian daripadanya.
- (c) Bas sekolah berhawa dingin dibenar tambahan tambang 30% (dikira daripada jumlah kadar tambang keseluruhan perjalanan);
- (d) Kawasan bandar meliputi semua Dewan / Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di Semenanjung;
- (e) Kadar tambang yang dikenakan perlu dinyatakan secara terperinci dan disahkan oleh ibu bapa/penjaga pelajar yang ditandatangani dalam kad perjalanan bulanan / harian.

7.4 Bas mini:

- (a) Berhawa dingin : RM1.00 bagi satu arah perjalanan
- (b) Tanpa hawa dingin : 90 sen (RM0.90) bagi satu arah perjalanan

7.5 Bas pengantara:

60 sen (RM0.60) bagi satu pusingan perjalanan (tidak melebihi 7 kilometer)

7.6 Teksi:

(a) Pulau Pinang:

(i) Jarak

RM4.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

10 sen (RM0.10) bagi setiap tambahan 115 meter atau sebahagian daripadanya.

(ii) Tahanan

RM4.00 bagi 3 minit pertama atau sebahagian daripadanya;

10 sen (RM0.10) bagi setiap tambahan 21 saat atau sebahagian daripadanya.

(b) Lembah Klang, Johor Bahru, Bandaraya Melaka dan Kuala Terengganu:

(i) Jarak

RM3.00 bagi satu kilometer pertama atau sebahagian daripadanya;

10 sen (RM0.10) bagi setiap tambahan 115 meter atau sebahagian daripadanya.

(ii) Tahanan

RM3.00 bagi 3 minit pertama atau sebahagian daripadanya;

10 sen (RM0.10) bagi setiap tambahan 21 saat atau sebahagian daripadanya.

(c) Lain-lain caj:

Bil.	Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
1.	Bagi penumpang melebihi dua orang	Dimansuhkan
2.	Bagi tiga kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun	Dimansuhkan
3.	Bagi semua bagasi yang diletakkan di dalam but	Dimansuhkan
4.	Bagi bagasi tangan	Percuma
5.	Bagi bayi dalam pangkuan	Percuma

Bil.	Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
6.	Di antara pukul 12 tengah malam dan 6.00 pagi	Tambahan 50% ke atas kadar yang ditetapkan
7.	Bagi setiap sewaan yang melibatkan bayaran tol	Kadar tol yang berkenaan
8.	Bagi setiap sewaan yang diatur melalui telefon	Tambahan RM2 bagi keseluruhan perjalanan
9.	Bagi membawa penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Tambang Murah (LCCT)	Tambahan RM12 bagi keseluruhan perjalanan
11.	Bagi membawa penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang	Tambahan RM7 bagi keseluruhan perjalanan
10.	Bagi membawa penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang	Dimansuhkan

- (d) Kadar tambahan 50% bagi perjalanan tengah malam antara pukul 12 tengah malam hingga 6.00 pagi dikira dalam tempoh tersebut sahaja, tidak termasuk masa naik atau turun sama ada sebelum atau selepas tempoh yang ditentukan.

7.7 Kereta sewa:

(a) Tanpa hawa dingin:

21.6 sen (RM0.216) bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya + 50 sen (RM0.50) caj tambahan setiap penumpang;

(b) Berhawa dingin:

25 sen (RM0.25) bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya + 50 sen (RM0.50) caj tambahan setiap penumpang;

(c) Caj tambahan 50 sen (RM0.50) bagi setiap penumpang ditambah daripada jumlah kadar tambang keseluruhan perjalanan;

(d) Lain-lain caj:

Bil.	Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
1.	Bagi bayi dalam pangkuan	Percuma
2.	Bagi bagasi tangan	Percuma
3.	Di antara pukul 12 tengah malam dan 6.00 pagi	Tambahan 50% ke atas kadar yang ditetapkan
4.	Bagi setiap sewaan yang melibatkan bayaran tol	Kadar tol yang berkenaan
5.	Bagi setiap sewaan yang diatur melalui telefon	Tambahan RM2 bagi keseluruhan perjalanan

Bil.	Kriteria	Bayaran yang perlu dibayar oleh penumpang
6.	Bagi membawa penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Tambang Murah (LCCT)	Tambahan RM12 bagi keseluruhan perjalanan
7.	Bagi membawa penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang	Tambahan RM7 bagi keseluruhan perjalanan

- (d) Kadar tambahan 50% bagi perjalanan tengah malam antara pukul 12 tengah malam hingga 6.00 pagi dikira dalam tempoh tersebut sahaja, tidak termasuk masa naik atau turun sama ada sebelum atau selepas tempoh yang ditentukan.

PEMAKAIAN


8. Had kadar tambang kereta sewa di perenggan 7.6 dan 7.7 tidak termasuk perkhidmatan teksi lapangan terbang atau perkhidmatan kereta sewa di Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi.

TARIKH KUATKUASA

9. Had kadar tambang baru pengangkutan awam akan **berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009.**

10. Semua pengusaha pengangkutan awam perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menyelaraskan kadar sedia ada dengan had kadar tambang baru. Tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi mana-mana pengusaha yang mengenakan tambang melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Semenanjung Malaysia

20 JULAI 2009

Salinan:

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,
62502 PUTRAJAYA.

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik
Cawangan Trafik
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Operasi PUSPAKOM
Wisma DRB HICOM
No. 2, Jalan Usahawan U1/8
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Edaran Dalaman:

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPPK (LPKP) 1

KPP (LPKP) 2

KPP (LPKP) 3

**Sila tampal pekeliling ini
pada papan kenyataan
di pejabat LPKP Wilayah.**